KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Aras 7, Blok E1, Parcel E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-88831180
Faks : 603-88831176

Ruj. Kami : KKM.600-37/2/5 JLD.7 (35)
Tarikh : 9 September 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PEMATUHAN DAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN PENCEGAHAN JANGKITAN COVID-19 DALAM KALANGAN PETUGAS KESIHATAN DI FASILITI KESIHATAN AWAM DAN SWASTA: PERINGATAN MESRA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Petugas barisan hadapan sememangnya mempunyai risiko untuk dijangkiti oleh penyakit COVID-19 atau lain-lain penyakit berjangkit ketika bertugas di fasiliti kesihatan sama ada di fasiliti kerajaan atau swasta. Selain itu, petugas kesihatan juga boleh mendapat jangkitan semasa berada dalam komuniti, iaitu sama seperti individu yang lain dalam masyarakat.

3. Hasil siasatan awal menunjukkan jangkitan yang melibatkan petugas kesihatan mendapati terdapat penularan jangkitan COVID-19 antara petugas kesihatan (*staff to staff transmission*). Antara kemungkinan punca utama yang dikenalpasti adalah:

3.1 Kurang mematuhi prosedur operasi standard (SOP) misalnya tidak memakai *3-ply surgical mask* ketika merawat pesakit bukan COVID-19 termasuk semasa berinterasi dengan rakan sekerja sama ada di pesakit luar, Jabatan Kecemasan atau pesakit dalam.

3.2 Petugas kesihatan bergejala namun tidak membuat saringan, masih bertugas dan tidak mendapatkan rawatan awal.

3.3 Budaya amalan norma baharu masih tidak dipraktikkan sepenuhnya oleh petugas kesihatan walaupun pelbagai peringatan dan aktiviti promosi telah dilakukan.

3.4 Petugas kesihatan kurang mengambil iktibar dan mempelajari dari pengalaman kluster lalu yang melibatkan petugas kesihatan.

3.5 Kurangnya pemantauan terhadap pematuhan kepada penjarakan fizikal, mencuci tangan dan pemakaian alat pelindung diri (PPE) yang bersesuaian dalam kalangan petugas kesihatan.

4. Justeru itu, dipohon semua pihak dapat memastikan pemantapan dari segi pematuhan dan langkah-langkah kawalan pencegahan jangkitan COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan di fasiliti masing-masing untuk diadaptasi dan modifikasi kesesuaian sejajar dengan konsep Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau (CAPP) seperti berikut:

4.1 Membuat pemantauan yang lebih efektif terhadap petugas kesihatan iaitu:

4.1.1 Mengenalpasti petugas kesihatan yang bersesuaian untuk membuat pemantauan terhadap pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) dan merekodkan hasil pemantauan.

4.1.2 Menggunakan teknologi untuk membantu dalam pemantauan budaya amalan norma baharu misalnya menggunakan kamera litar tertutup (CCTV) dan sebagainya.

4.2 Sentiasa memberi peringatan kepada petugas kesihatan mengenai SOP dan norma baharu dalam bentuk pengumuman secara berkala, taklimat ringkas sebelum memulakan tugas, bahan infografik, poster, dan sebagainya.

4.3 Mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan berlakunya kesesakan di tempat kerja mahupun tempat tinggal petugas kesihatan serta mengelakkan 3C (*Crowded Place, Confined Space and Close Conversation*).

4.4 Petugas kesihatan perlu melaporkan kepada ketua jabatan/ penyelia/ ketua jururawat sekiranya bergejala dan mendapatkan rawatan dengan segera.

4.5 Penilaian risiko pendedahan perlu dilakukan dengan teliti dan rapi berdasarkan kriteria dalam *Table 1 Annex 21: Management of Healthcare Workers During COVID-19 Outbreak* bertarikh 14 Ogos 2020 yang telah di **kemaskini di laman sesawang KKM** iaitu berdasarkan kriteria berikut:

i. Sumber jangkitan (pesakit COVID-19)
ii. Penggunaan PPE pada petugas kesihatan yang dinilai
iii. Gejala petugas kesihatan yang dinilai

4.6 Keputusan sama ada petugas kesihatan perlu dikuarantin atau boleh bekerja adalah bergantung kepada hasil penilaian risiko tersebut.

4.7 Keutamaan ujian COVID-19 perlu diberikan kepada petugas kesihatan yang merupakan kontak rapat berdasarkan *Box 1 Annex 21: Management of Healthcare Workers During COVID-19 Outbreak* bertarikh 14 Ogos (di laman sesawang KKM) iaitu:

4.7.1 Petugas kesihatan yang tidak memakai PPE yang bersesuaian semasa terdedah (mata, hidung, mulut, mukosa) kepada cecair badan kes COVID-19 atau,

4.7.2 Pendedahan kumulatif (*breach in PPE*) dalam satu syif melebihi 15 minit secara bersemuka dengan kes (kurang daripada 1 meter) atau,

4.7.3 Tidak memakai PPE yang bersesuaian semasa menjalankan *Aerosol Generating Procedure* (AGP) ke atas pesakit COVID-19

4.8 Siasatan kes COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan perlu lebih terperinci bagi menjawab soalan-soalan berikut:

i. Siapa petugas kesihatan yang terlibat?
ii. Bila berlakunya transmisi?
iii. Dimanakah ia berlaku?
iv. Kenapa transmisi boleh berlaku?

4.9 Ini penting bagi mengenalpasti strategi efektif dalam mencegah dan mengawal penularan COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan.

4.10 Melakukan kesiapsiagaan dan mengenalpasti petugas kesihatan yang berkemahiran teknikal dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) untuk membantu dalam menjalankan siasatan kes COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan.

4.11 Membuat saringan dan memberi sokongan psikososial kepada petugas kesihatan yang terlibat dalam pengurusan COVID-19 seperti yang digariskan dalam *Annex 33: Mental Health and Psychosocial Support* (di laman sesawang KKM).

5. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah dihargai dan diharapkan agar penularan wabak COVID-19 ini dapat dikawal dan ditangani dengan baik. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Perkembangan Perubatan di talian berikut:

- Dr. Azlihanis Abdul Hadi 03 8883 1201 / 019 938 8448

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. HJ. ROHAIZAT BIN HJ. YON) (MMC: 26029)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Amalan Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kejururawatan
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Pengarah
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Pengarah
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS)

- Sukacita dipohon pihak Puan membuat edaran kepada semua Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) Yang Berlesen atau Berdaftar Bawah Akta 586

Pengarah Kesihatan Negeri
(u.p. Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta)

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YB Menteri Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YB Timbalan Menteri Kesihatan I

Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YB Timbalan Menteri Kesihatan II

SENARAI EDARAN:

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
   Angkatan Tentera Malaysia
   - Sukacita dipohon YBhg. Dato' membuat edaran kepada semua hospital ATM

2. Presiden
   Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)

3. Presiden
   Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)

4. Presiden
   Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

5. Presiden
   Federation of Private Medical Practitioners' Associations, Malaysia (FPMPAM)

6. Presiden
   Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

7. Presiden
   Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM)

8. Pengarah
   Pusat Perubatan Universiti Malaya

9. Pengarah
   Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

10. Pengarah Hospital
    Hospital Universiti Sains Malaysia

11. Pengarah
    Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

12. Pengarah
    Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia

13. Pengarah
    Institut Jantung Negara